

# UMS-KAL hantar kontinjen rai kemerdekaan

**U**NIVERSITI Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) menghantar kontinjen menyertai perhimpunan sambutan Hari Kemerdekaan Ke-53 peringkat Wilayah Persekutuan Labuan, di Dataran Labuan, yang diadakan baru-baru ini.

Sambutan dirasmikan Ahli Parlimen Labuan, Datuk Yusof Mahal itu menyaksikan 25 kontinjen terbabit termasuk wakil jabatan kerajaan, swasta, kampung dan persatuan.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Datuk Basiran Saban.

Pelbagai acara diadakan pada perhimpunan itu, antaranya pertandingan kibar Jalur Gemilang anjuran Perbadanan Labuan, yang dibahagikan kepada peringkat taman didikan kanak-kanak (tadika), sekolah rendah dan menengah, selain turut membabitkan kategori kampung, jabatan kerajaan dan swasta.

Sambutan itu diakhiri

“*Pelbagai acara diadakan pada perhimpunan itu, antaranya pertandingan kibar Jalur Gemilang anjuran Perbadanan Labuan*”

dengan laungan Merdeka sebanyak tujuh kali dan nyanyian lagu patriotik oleh kumpulan koir Perbadanan Labuan. 3



**KONTINJEN UMS-KAL turut menyertai perhimpunan Hari Kemerdekaan Ke-53 di Dataran Labuan, Labuan.**